



Dr Mahathir menyampaikan anugerah Inisiatif Negara Taman Terindah kepada DBKL yang diwakili Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Nor Hisham Ahmad Dahlan sambil diperhatikan Menteri Wilayah Persekutuan, Khalid Abd Samad di Taman Botani Putrajaya, semalam.

PH cakap benar mengenai PAS

BH - 4/3/2019 m/s: 2

➔ Ada bukti jelas parti bayar RM1.4 juta kepada pengarang Sarawak Report: Dr Mahathir

Oleh Zanariah Abd Mutalib
zanariah_mutalib@bh.com.my

Putrajaya

Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, Pakatan Harapan (PH) hanya menyatakan kebenaran berhubung pembayaran RM1.4 juta oleh pihak PAS kepada pengarang Sarawak Report, Clare Rewcastle-Brown.

Perdana Menteri berkata, PH mempunyai bukti jelas menge-

nai pembayaran wang itu kepada Rewcastle-Brown sebagai penyelesaian luar mahkamah kes saman Presiden PAS, Datuk Seri Abdul Hadi Awang.

Selesai luar mahkamah

"Beliau saman malu terhadap wanita ini (Rewcastle-Brown), selepas itu apabila dapati beliau mungkin tidak menang, beliau nak selesai cara luar mahkamah.

"Untuk ini, orang PAS yang bayar duit dan kita ada bukti, takkan kita nak sembunyi...bukti jelas," katanya.

Dr Mahathir yang juga Pengerusi PH berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan sambutan Hari Landskap Negara 2019 bertemakan 'Malaysia Negara Taman Terindah' di Taman Botani Putrajaya di sini, semalam.

Beliau ditanya sama ada serangan PH terhadap PAS mengenai isu pembayaran RM1.4 juta kepada Rewcastle-Brown menjadi antara punca pengundi Semenyah menolak PH pada

PRK berkenaan.

Berhubung pendedahan bahawa pembayaran RM1.4 juta berkenaan dibuat melalui akaun Pengerusi Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB), Datuk Seri Rameli Musa, Dr Ma-



PAS ini ada orang yang simpati dengan dia. Dia ada masalah, yang mereka nak tolong, mereka tolonglah. Kita tidak marahkan Rameli, tetapi kita marah dengan cara PAS. Mereka bohong, tidak cerita benda betul"

Dr Mahathir Mohamad,
Perdana Menteri

hathir berkata beliau tidak menyalahkan Rameli.

"PAS ini ada orang yang simpati dengan dia. Dia ada masalah, yang mereka nak tolong, mereka tolonglah.

"Kita tidak marahkan Rameli, tetapi kita marah dengan cara PAS. Mereka bohong, tidak cerita benda betul," katanya.

Janji tak diterjemah

Mengulangi kenyataannya sebelum ini, Dr Mahathir berkata Hadi ada datang bertemu beliau dan menyatakan sokongan tetapi janji itu tidak diterjemahkan pada Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (DUN) Semenyah.

"Kita bercakap benda benar, umpamanya Abdul Hadi datang jumpa saya. Beliau kata nak sokong saya dan ketua PAS tidak akan kempen (pada PRK DUN Semenyah).

"Bagaimanapun, pada hari penamaan calon, ketua PAS ada (beri sokongan kepada Barisan Nasional). Beliau janji dengan saya ini apa dia?" katanya.